

Najib dapat penangguhan fail pembelaan kes derma RM2.6 bilion

The Malaysian Insider

Oct 1, 2015

Oleh V. Anbalagan

Datuk Seri Najib Razak dikecualikan daripada memfailkan pembelaannya berhubung wang RM2.6 bilion yang dideposit ke dalam akaun bank peribadinya sementara menunggu keputusan permohonannya untuk membatalkan saman yang difailkan seorang bekas ahli Umno.

Presiden Umno itu juga diberikan penangguhan daripada memfailkan afidavit untuk menentang percubaan Anina Saadudin membekukan aset beliau dan satu lagi permohonan untuk penghakiman atas pengakuan berhubung butiran akaun beliau dalam pertikaian sivil itu.

Peguam Najib, Datuk Mohd Hafarizam Harun berkata, Pesuruhjaya Kehakiman Mohd Zaki Abdul Wahab membenarkan permohonan anak guamnya kerana wujud keadaan-keadaan istimewa (special circumstances).

"Hakim memutuskan yang, sekiranya penangguhan itu tidak dibenarkan, ia akan memberi kesan kepada tawaran defendan (Najib) untuk membatalkan saman itu," katanya mengenai keputusan yang dibuat di dalam kamar itu.

Hafarizam berkata, hakim memutuskan penangguhan itu juga tidak akan menjejaskan Anina jika pembelaan Najib difailkan kemudian sekiranya permohonan pembatalan itu ditolak.

Pengurusan kes bagi membatalkan permohonan itu ditetapkan pada 6 Oktober.

Peguam Anina, Mohamed Haniff Khatri Abdulla berkata, beliau mungkin memohon penangguhan ke atas percubaan Najib membatalkan saman itu, sementara menunggu kes satu lagi saman yang difailnya untuk mencabar tindakan memecat beliau daripada parti.

Hanif berkata, perkara itu ditetapkan untuk pengurusan kes pada 9 Oktober di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman S. Nantha Balan.

Pada 28 Ogos, Anina memfailkan saman itu bagi pihak Umno, meminta Najib bertanggungjawab ke atas wang yang didakwa didermakan kepadanya oleh individu dari Timur Tengah bagi membantu Barisan Nasional mengekalkan kuasa pada pilihan raya umum 2013.

Beliau juga memfailkan saman yang berasingan untuk mencabar pemecatan beliau daripada parti.

Pada 18 September, beliau juga memfailkan permohonan untuk membekukan aset dan penghakiman untuk pengakuan.

Anina menjadi terkenal selepas beliau mengkritik Najib pada mesyuarat agung tahunan bahagian Langkawi. Kecaman beliau, di mana beliau mengatakan presiden Umno itu "kencing" (membawa maksud membohongi) ahli Umno, dirakamkan dalam satu video yang kemudiannya menjadi viral. – 1 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-dapat-penangguhan-fail-pembelaan-kes-derma-rm2.6-bilion>